

23/06/2003

Jangan biarkan ikrar jadi nostalgia di PWTC

Dr Mohd Azam Rauzan

DEWAN Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, semalam, lengang selepas lima hari ahli Umno berkampung di situ. Yang tinggal hanya

pekerja membersihkan semula dewan yang bersejarah itu. Dewan berkenaan menjadi saksi kepada pelbagai lakaran sejarah dengan berakhirnya Perhimpunan Agung Umno ke-54 di situ, kelmarin.

Sepanjang itu, ia menjadi saksi kepada sikap keterbukaan, pengakuan, janji dan sumpah perwakilan serta barisan kepemimpinan Umno.

Walaupun perhimpunan kali ini tiada pemilihan untuk menentukan barisan kepemimpinan, namun tetap penting ke arah masa depan Umno dan negara.

Syaratnya, apa yang dinyatakan oleh pemimpin dan perwakilan pada sidang

itu, kalau satu keterbukaan, ia hendaklah bukan lakonan, kalau pengakuan mestilah ikhlas, kalau janji perlu ditunaikan dan kalau sumpah, jangan sampai memakan diri.

Masa dan ketika yang akan ditempuhi pada masa depan menentukan sama ada

keterbukaan itu benar, pengakuan itu benar, janji itu benar dan sumpah itu

benar.

Sebagai seorang daripada kelompok generasi pasca merdeka dan kelas menengah Melayu, saya berbisik kepada hati kecil agar jangan skeptikal dengan apa yang disaksikan sepanjang lima hari itu.

Semua yang berucap, berbahas dan menggulung perbahasan, berpijak di bumi

nyata. Ia barangkali hambar didengar, tidak terlalu banyak cerita seloka,

kurang lawak jenaka, tidak menyeronokkan untuk menjadi halwa telinga, bukan untuk jadi bahan ketawa, tetapi penuh substance dan makna.

Rata-ratanya serius, tidak menghentam atau mempersendakan sesiapa, menjadikan perhimpunan kali ini berbeza daripada biasa. Keunikan perhimpunan pada kali ini ialah kurangnya `keretorikaan' dan buat julung kalinya perbahasan berpaksikan pada penghujahan berdiri di bumi yang nyata.

Saya percaya, ramai yang berkongsi perasaan bangga dengan saya, perwakilan kerdil dalam dewan itu dan ramai lagi ahli Umno di peringkat akar umbi, apabila pemimpin Umno mengakui kelemahan, berjanji bersatu serta berpadu memastikan parti menjadi utuh.

Pengerusi perhubungan negeri yang berucap; perwakilan sama ada dari bahagian, Wanita, Pemuda atau Puteri yang berbahas, malah Ahli Majlis Tertinggi (MT) sekalipun, termasuk Naib Presiden, semuanya berikrar menjaga parti.

Seperti kata Pengerusi Perhubungan Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad: "Permasalahan serta perbalahan yang banyak berlaku dalam parti adalah berpunca daripada barisan yang duduk di atas pentas (barisan

ahli MT), termasuk diri saya sendiri." (Disusuli tepukan gemuruh perwakilan ).

Begitu juga ingatan Naib Presiden, Datuk Seri Mohd Najib Razak: "Tapi orang Umno ni sakan juga, apabila Presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sebut dan nasihat jangan ada pertandingan kita semua tepuk, tapi yang kuat bertepuklah yang mengapi-api kita untuk melawan. Tak kurang juga orang datang jumpa saya dan kata Datuk lawan Datuk lawan." (disambut dengan gelak ketawa gemuruh seluruh perwakilan yang hadir, termasuk ahli MT)

Mereka menyebut, mengakui dan menyerah diri di depan Presiden yang bakal berundur dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih kepemimpinan parti.

Tidak perlu saya ulas lanjut janji mereka kerana satu negara mendengarnya. Penyakit sudah ada `diagnosis'nya, usah tamak haloba, perebutan kuasa dan kepentingan diri sudah diketepikan.

Maka, kita lega, bahagia dan bangga. Kalau inilah pegangannya, kalau inilah pedomannya, kalau inilah perjuangannya, Umno memang tiada galang gantinya.

Berpantun sudah, bersajak sudah, berdoa pun sudah. Ketawa sudah, sebak sudah dan menangis pun sudah. Apa lagi agaknya selepas ini? Pasti menterjemahkan semua yang sudah diluahkan itu, supaya ia tidak sekadar jadi catatan sejarah, bukan sekadar nostalgia di Dewan Merdeka.

Jika tidak, semua itu sekadar mahu meraikan Presiden, setakat mengalu-alukan penggantinya. Jangan kita menghampakan mereka, jangan sekali-kali mempersendakan rakyat keseluruhannya.

Lontaran nasihat, panduan, teguran dan cabaran Dr Mahathir, sepanjang 22 tahun menerajui parti, termasuk di persidangan itu, sama ada dalam nada tegas, sindiran, puitis, sebak dan terharu, tetap tajam dan seharusnya menjadi zat kekuatan kepada Umno.

Sajak `Aku Cari Damai Abadi' nukilan Abdullah pula, menusuk kalbu, mengajak semua memelihara kejernihan parti.

Pegangan bukan mencari harta bertimbun untuk jadi kaya, bukan mencari wang berjuta untuk hidup bergaya, tetapi membongkar rahsia kitab suci, membongkar rahsia sunnah Nabi, akan membina perjuangan sejati.

Sesungguhnya tidak ada pengaruh yang lebih kuat daripada agama Islam untuk membina kekuatan dan ketahanan parti dan ketahanan orang Melayu.

Pada perhimpunan kali ini, kekuatan Umno jelas tergambar dan siap sedia untuk mengharungi cabaran. Lebih-lebih lagi apabila kembali semua kepada rakyat bagi mendapatkan mandat baru dalam pilihan raya umum akan datang.

Peluang buat pertama kali bagi semua pengerusi perhubungan membahaskan usul ucapan Presiden adalah platform terbaik untuk setiap negeri memperbaharui tekad menyemarakkan perjuangan di tempat masing-masing.

Tentu sekali bagi perwakilan serta pemerhati yang menghadiri sama ada sebahagian atau sepenuhnya perjalanan perhimpunan Umno kali ini, ia adalah

yang paling unik, ada kelas dan penuh bergaya yang pernah Umno lalui.

Apa pun kita tunggu dan lihat, apakah ini hanya satu episod yang hanya menjadi harapan dan impian yang tidak kesampaian.